

KRM rancang tubuh akademi

Kuala Lumpur: Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) mempunyai misi besar dalam usaha melahirkan lebih ramai pemain berkualiti pada masa akan datang apabila merancang menubuhkan akademi milik mereka dalam masa terdekat.

Setiausaha Agung Kehormat KRM, Amrul Hazarin Hamidon berkata, akademi berkenaan bekerjasama dengan universiti tempatan dalam menyediakan tenaga pakar dan tempat latihan.

Beliau berkata, antara aspek yang ditekankan adalah kejurulatihan, kepentingan dan kepegawaian di dalam sukan ragbi di Malaysia.

Kata-

nya, akademi berkenaan juga menyediakan peluang kepada pemain untuk melanjutkan pelajaran dan pada masa sama boleh memberi tumpuan kepada sukan terbabit tanpa sebarang masalah.

“Penubuhan akademi itu pada awalnya usaha sama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

“Kami perluaskannya menerusi kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) dan Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP),” katanya, di sini.



A yellow circular graphic containing the text "Akademi itu bekerjasama dengan Universiti tempatan".